

# Sihat semula selepas dua tahun menderita



**CERIA SEMULA:** Cik Dewi (tengah), yang dicium mesra anggota keluarganya, (dari kiri) adiknya, Cik Linda Nurhayati, bapanya, Encik Eddy, dan ibunya, Cik Hamidah Ariffin, menghargai sokongan yang diberikan mereka sepanjang tempoh beliau derita diserang penyakit *paraneoplastic encephalitis*. – Foto TUKIMAN WARUI

## Doktor guna kemoterapi bagi atasi penyakit yang jarang ditemui di sini

Oleh NADZRI EUNOS  
nadzri@sph.com.sg

DENGAN limpahan kata-kata sumpah seranah dan kekuatan yang mampu menewaskan 10 orang setiap kali diserang sawan, anggota keluarga Cik Dewi Hermawati Eddy menjangkakan beliau dirasuk makhluk halus, sekitar dua tahun lalu.

Namun, ternyata tanggapan mereka jauh meleset.

Ini kerana pemeriksaan rapi oleh Pusat Sains Neuro mendapati Cik Dewi berkelakuan demikian akibat menghadapi radang otak yang berpunca daripada ketumbuhan di ovarinya.

Penyakit *paraneoplastic encephalitis* jarang-jarang ditemui di dunia apatah lagi di Singapura dengan hanya sekitar enam kes dikenal pasti di sini sejak 2007.

Memandangkan pembedahan bagi membuang ketumbuhan di ovarinya gagal meredakan keadaan Cik Dewi, para doktor di Pusat Barah Nasional Singapura (NCCS) pimpinan Konsultan Bersekutu Jabatan Onkologi NCSS, Dr Tan Min-Han, mengambil risiko dikira dan menggunakan rawatan kemoterapi buat julung-julung kalinya ke atas Cik Dewi.

Ternyata keputusan itu membuahkan hasil kerana tidak lama selepas menjalaninya, Cik Dewi, kini 27 tahun, mula pulih dan kembali seperti sedia kala.

Kini hampir dua tahun kemudian, Cik Dewi sudah pun kembali bertugas sebagai pegawai khidmat

pelanggan di Lapangan Terbang Changi.

Menurut Dr Tan, berdasarkan rawatan perintis yang diterima Cik Dewi, pihaknya telah menerbitkan makalah yang menyarankan penggunaan kemoterapi sebagai rawatan tahap pertama bagi penyakit *paraneoplastic encephalitis*.

“Penyakit itu melibatkan radang

Selain Cik Dewi, seorang lagi pesakit tempatan juga berjaya dirawat menggunakan kemoterapi. Pesakit itu juga mengalami ketumbuhan ovari.

“Kami (pasukan NCCS) adalah yang pertama melaporkan penggunaan kemoterapi secara agresif boleh menjadi rawatan utama atau rawatan tambahan penting selepas pembedahan bagi para pesakit.

“Ia mungkin berisiko bagi pesakit berkenaan kerana secara zahirnya beliau mungkin nampak seperti menghadapi masalah psikologikal dan bukan masalah ginekologi.

“Malah ada doktor yang membuang ovari pesakit kerana terdesak dan tidak tahu penyakit sebenar yang dialami pesakit,” kata Dr Tan.

Ini kerana penyakit itu boleh berlaku meskipun tiada ketumbuhan pada ovari pesakit, jelasnya.

Bapa Cik Dewi, Encik Eddy Juju Sasmita, 60 tahun, berkata:

“Di samping rawatan perubatan dengan kos sekitar \$100,000, kami juga usaha dengan jalan Islam. Kami parah kepada Tuhan dan alhamdulillah, anak saya pulih.”

Bagi Cik Dewi, pemulihannya membuka lembaran baru dalam hidupnya. “Kalau dulu saya tidak henti merancang kehidupan saya, kini saya menikmati hidup dari hari ke hari. Lebih penting, hubungan saya dengan keluarga bertambah erat,” kata Cik Dewi sambil menitikkan air mata.

### APA ITU PARANEOPLASTIC ENCEPHALITIS?

- ▶ Ia adalah radang otak yang berkaitan dengan ketumbuhan ovari
- ▶ Profil golongan berisiko:
  - Wanita berusia 16-35 tahun
  - Menyerang kurang 1% pesakit barah khususnya barah paru-paru, buah dada dan ketumbuhan sel kuman (seperti ketumbuhan ovari)
- ▶ Rawatan: Kemoterapi dan pembedahan membuang ketumbuhan
- ▶ Jumlah kes setempat: 6 (sejak 2007)

Sumber: NCCS

otak yang berpunca dari kehadiran sel-sel barah dalam tubuh pesakit. Ia menyebabkan sistem pertahanan badan menyerang otak melalui antibodi jenis anti-NMDA,” jelas Dr Tan.

Menurut Dr Tan, besar kemungkinan rawatan kemoterapi telah menghalang sistem ketahanan daripada menyerang otak sekali gus memusnahkan sel-sel barah dalam tubuh Cik Dewi.